


**EU-ERA**  
**DISCUSSION PAPER SERIES**  
EU-ERA DP 19/2023

# Analisis Kos-Faedah Pelaksanaan Bekerja dari Rumah (BDR) Semasa Pandemik COVID-19

**Sheerad Sahid**  
**Norfarahzatul Asikin Zakari**  
**Mohd Izwan Mahmud**



ISSN 2785-9096





EU-ERA DP 19/2023

# **ANALISIS KOS-FAEDAH PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR) SEMASA PANDEMIK COVID-19**

---

**Sheerad Sahid,  
Norfarahzatul Asikin Zakari,  
Mohd Izwan Mahmud**  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

# Abstrak

**Tujuan & Objektif:** Bulan Mac 2020 adalah permulaan pandemik COVID-19 di Malaysia yang telah banyak menjelaskan sektor ekonomi, pendidikan dan juga kesihatan. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan atau PKP telah dilaksanakan dalam empat siri dengan tujuan untuk mengurangkan penyebaran penyakit atau mencegah situasi krisis. Semua sektor pekerjaan diperintahkan untuk melaksanakan pendekatan Bekerja dari Rumah atau BDR. Artikel ini bertujuan menganalisis kos-faedah pelaksanaan BDR ketika pandemik COVID-19 dalam keseluruhan sektor pekerjaan di Malaysia.

**Metodologi:** Kaedah tinjauan soal selidik dan analisis deskriptif menggunakan SPSS “Statistical Package Social Science” digunakan untuk menganalisis kos-faedah pelaksanaan BDR di Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Analisis yang dijalankan melibatkan empat pembolehubah iaitu ruang kerja, kemudahan teknologi dan peralatan teknikal, sokongan dan komunikasi, dan kos isi rumah. Responden dikehendaki memberi tahap persetujuan berdasarkan skala 1 (sangat tidak setuju) hingga 7 (sangat setuju) terhadap pernyataan-pernyataan yang disediakan dalam borang soal selidik.

**Dapatkan Kajian:** Beban kos ruang kerja adalah kecil kerana pekerja mempunyai ruang kerja sedia ada, pekerja hanya terbeban dengan kos yang berkaitan dengan persekitaran dan rawatan untuk kesihatan akibat kurangnya pergerakan fizikal. Pekerja mempunyai kemudahan teknologi dan peralatan teknikal untuk melakukan BDR dengan berkesan. Dari aspek khidmat sokongan dan komunikasi, pekerja kurang menghadapi masalah kerana majikan menyediakan sistem sokongan dan komunikasi yang baik. Manakala dari segi kos utiliti, pekerja terpaksa menanggung kos utiliti yang tinggi semasa BDR. Kajian juga mendapat 63% daripada responden kajian bersetuju untuk menjadikan BDR sebagai salah satu pendekatan bekerja pada masa akan datang.

**Implikasi Kajian:** Kajian ini menyediakan maklumat yang berguna dan bermakna untuk penggubal dasar dalam memahami magnitud kesan langkah penutupan aktiviti ekonomi akibat bencana wabak dan menyediakan program memulihkan ekonomi secara efektif, terutamanya melibatkan sektor pasaran buruh. Hal ini kerana kesan yang tidak sama rata dari setiap langkah boleh membawa kepada perubahan dalam kos dan faedah yang diperolehi ketika bekerja. Walaupun secara umumnya kajian ini mendapat terdapat faktor yang mendorong kepada kebolehlaksanaan BDR, namun pelaksanaan secara tuntas memerlukan kepada penelitian kos dan faedah kepada majikan bagi menghasilkan keputusan yang lebih seimbang dan inklusif.

## Kata Kunci:

Kos-Faedah; Bekerja dari Rumah (BDR); Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); COVID-19; Malaysia.

**Penghargaan:** Penulis merakamkan penghargaan kepada EU-ERA kerana membiayai kajian ini.

# **Analisis Kos-Faedah Pelaksanaan Bekerja dari Rumah (BDR) Semasa Pandemik COVID-19**

## **1. PENGENALAN**

Pada tahun 2020, dunia telah digemparkan dengan peristiwa yang belum pernah terjadi sebelumnya yang berkaitan dengan krisis kesihatan dan ekonomi yang berasal dari negara China. Peristiwa ini berasal daripada penyakit Coronavirus (COVID-19) dari Wuhan, China mula dilaporkan pada 27 Disember 2019 di sebuah hospital di Wuhan yang menjadi pusat kawalan dan pencegahan penyakit bagi jawatankuasa setempat. Kes ini kemudiannya dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 31 Disember 2019, memandangkan penularan virus itu di seluruh China pada Januari 2020 (Lu, 2020). Menjelang akhir Januari 2020, virus itu telah merebak dengan cepat ke lebih 20 negara di seluruh dunia (Oxford Economics, 2020), dan pada 11 Mac tahun yang sama, WHO mengisyiharkan COVID-19 sebagai pandemik global (Alam et al., 2020). Kejadian ini berterusan dan menjelang Mac dan April 2020, virus itu telah merebak ke seluruh dunia, menimbulkan ketakutan dan ketidakpastian (Zellweger, 2020). Bagi mengatasi masalah ini daripada berterusan, penutupan secara menyeluruh melalui perintah kawalan pergerakan diperkenalkan sebagai langkah pencegahan untuk membantu meratakan keluk COVID-19 yang didorong melalui langkah penjarakan sosial di Wuhan walaupun ianya menjadi gangguan ekonomi yang belum pernah terjadi sebelumnya pada masa yang sama (Matrajt & Leung, 2020; Balasa, 2020; Musinguzi & Asamoah, 2020). Langkah ini dilihat sebagai penanda aras baharu bagi dasar pencegahan wabak (Yuan et al., 2020). Selain itu, sekatan lalu lintas di seluruh negara dan langkah pengasingan diri yang diperkenalkan di Wuhan kemudian Beijing dan Shanghai berjaya mengurangkan penyebaran COVID-19 di seluruh China (Yuan et al., 2020; Oxford Economics, 2020). Begitu juga, hampir semua negara di seluruh dunia telah mengambil langkah yang perlu untuk mengurangkan kesan wabak COVID-19 (Atalan, 2020). Belajar dari China, dasar penutupan aktiviti ekonomi dan sosial telah diterima pakai sebagai langkah dan pendekatan penting untuk membendung penularan COVID-19.

Akan tetapi, kesan buruk daripada langkah penutupan ini dalam membendung penyebaran virus adalah kesan terhadap ekonomi. Ayittey et al. (2020) menegaskan bahawa COVID-19 telah mengganggu perdagangan global, rantai bekalan, pasaran kewangan, dan aktiviti perniagaan. Menurut Nicola et al., (2020), COVID-19 memberi kesan buruk kepada semua industri dan sektor ekonomi, iaitu: pertanian, petroleum dan minyak, pembuatan, pendidikan, kewangan, penjagaan kesihatan, farmaseutikal, hospitaliti, pelancongan, penerbangan, harta tanah dan perumahan, sukan, teknologi maklumat, media, penyelidikan dan pembangunan, dan sektor pembuatan dan perkhidmatan makanan. Pandemik COVID-19 ini telah membawa kepada krisis kesihatan global dan kemerosotan dalam pasaran ekonomi dan buruh. Banyak kerajaan di seluruh dunia telah menggunakan langkah berkurung untuk mengurangkan penyebaran virus, namun, langkah ini telah menyebabkan kelembapan pertumbuhan ekonomi (Bank Dunia, 2020). Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO, 2020a) menegaskan bahawa penutupan dan gangguan perniagaan yang berkaitan, sekatan perjalanan, penutupan sekolah dan langkah-langkah pembendungan lain telah memberi kesan secara mendadak kepada sektor pekerjaan dan aktiviti perusahaan.

Seperti kebanyakan negara lain, Malaysia juga tidak kebal daripada penularan wabak COVID-19. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) menerima tiga laporan kes pada 23 Januari 2020, iaitu dua di Sabah dan satu di Selangor, disyaki pengembara dari China yang dijangkiti coronavirus. Kemudian, kes positif COVID-19 pertama di Malaysia dilaporkan pada 25 Januari 2020 dan telah didiagnosis pada 29 Januari 2020, pesakit tersebut mempunyai sejarah perjalanan ke Singapura, dari 16 hingga 22 Januari lalu bagi menghadiri mesyuarat bersama delegasi antarabangsa termasuk China. Disebabkan kes pertama tersebut, wabak COVID-19 terus merebak dengan cepat di Malaysia. Pada akhir Februari 2020, jumlah COVID-19 mencecah 25 kes. Menjelang 16 Mac 2020, jumlah keseluruhan orang yang terjejas meningkat kepada 428 kes, dengan jumlah kes baharu pada 16 Mac ialah 190 kes. Malah, ini adalah jumlah tiga digit pertama kes baharu COVID-19 yang dilaporkan sejak Januari 2020. Menyedari betapa mautnya coronavirus COVID-19 dan kepantasannya merebak dalam kalangan penduduk, kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 (Shah et al., 2020).

Selaras dengan nasihat daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), banyak langkah telah diambil di seluruh dunia untuk mencegah penyebaran virus tersebut. Perdana Menteri Ke-8 ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah memberi ucapan rasmi secara langsung pada 16 Mac 2020 di kaca televisyen dan mengisyiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Perintah kawalan pergerakan (PKP) ini berkuatkuasa pada tarikh 18 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020. Ini adalah usaha kerajaan bagi menurunkan trend jangkitan. Untuk meratakan lengkung jangkitan COVID-19, perintah penutupan aktiviti ekonomi dan sosial secara keseluruhan telah dikenakan ke atas seluruh negara (Tang, 2020). Semasa tempoh penutupan tersebut, semua lapangan terbang ditutup kepada penerbangan domestik dan antarabangsa untuk menyekat kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara, perintah tinggal di rumah, perhimpunan besar-besaran dan acara awam dihadkan, larangan perhimpunan beramai-ramai di seluruh negara semasa aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya, perjalanan antara negeri dilarang, dan perjalanan dalam negeri ini dihadkan kepada kilometer tertentu serta sekolah, institusi pendidikan tinggi dan tempat kerja ditutup.

Namun, pelaksanaan PKP turut telah merubah pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Sektor wajib seperti ekonomi, pendidikan dan kesihatan perlu mengharungi sekatan rentas negeri dan daerah secara langsung ini memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi masyarakat Malaysia. Perdana Menteri Malaysia ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui perutusan khas semperna Hari pekerja pada 1 Mei 2020 memberikan maklumat bahawa negara mengalami kerugian sebanyak RM 2.4 billion setiap hari sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Bagi membendung kerugian daripada berlaku lebih serius, pendekatan kerajaan Malaysia adalah dengan membenarkan sektor ekonomi dibuka semula dengan pelaksanaan bekerja dari rumah (BDR) bagi memulih kembali ekonomi seiring dengan negara dunia yang lain. Konsep BDR mula dilaksanakan secara meluas ketika PKP di Malaysia. BDR didefinisikan sebagai kerja yang dilaksanakan oleh pekerja di premis tertentu seperti di rumah kediaman staf atau rumah di kampung tanpa perlu hadir ke pejabat dengan menggunakan sistem teknologi maklumat dan komunikasi. Sistem bekerja dari rumah ini memerlukan tanggungjawab dan komitmen

yang tinggi di antara majikan dan pekerja untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan pekerjaan dapat terus dijalankan.

Bekerja dari rumah (BDR) dapat membantu mengurangkan risiko jangkitan melalui kurangnya kontak langsung antara pekerja dengan mereka yang berpotensi menjadi pembawa virus. Melalui BDR, penjarakan sosial dapat dijalankan dan hal ini akan dapat memutuskan rangkaian COVID-19 dan menjadi antara mekanisma kawalan. Dasar BDR ini telah bermula sejak pertengahan tahun 70-an untuk mengurangkan kos syarikat. Melalui BDR syarikat tidak perlu membina pejabat yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi serta tidak memerlukan tambahan kos lain seperti bil elektrik, penyelenggaraan, keselamatan, dan kemudahan lain.

Pada mulanya, majikan kurang berminat untuk melakukan dasar BDR kerana mereka terpaksa melabur dalam teknologi dan pengurusan tertentu untuk membolehkan dasar BDR ini dapat dijalankan, namun pada masa kini landskap kerja telah berubah dan keadaan kecemasan seperti COVID-19 telah menjadikan dasar BDR ini sebagai amalan biasa dan syarikat terpaksa mengamalkan BDR mengikut keadaan semasa. Terdapat beberapa syarikat sudah mempunyai pengalaman dalam melaksanakan dasar BDR ini terhadap pekerja-pekerjanya dan sesetengah syarikat lain pula mempunyai rancangan untuk melaksanakan dasar BDR ketika kecemasan. Maka, dasar BDR merupakan suatu pengalaman baharu bagi kebanyakkan pekerja yang terlibat ketika pelaksanaannya semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. Sehubungan itu, tujuan kajian ini adalah untuk memberikan bukti empirikal tentang kesan pandemik COVID-19 terhadap perubahan dalam kos dan faedah pelaksanaan BDR semasa langkah perintah kawalan pergerakan dijalankan.

## 2. KAJIAN LITERATUR

Tinjauan literatur yang dijalankan dalam kajian ini menunjukkan bahawa pelbagai langkah penutupan yang diguna pakai oleh banyak negara untuk membendung penularan COVID-19 mempunyai kesan yang teruk ke atas pasaran buruh dan ekonomi. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa langkah-langkah pengawalan memberi kesan kepada pekerjaan, dengan kesan berubah-ubah bergantung pada struktur dan kedudukan ekonomi sesebuah

negara. Menurut Siti Khaireena dan Abu Zarrin (2021) hal ini adalah di sebabkan situasi pandemik COVID-19 di seluruh dunia berbeza dan menunjukkan angka mangsa jangkitan dan kematian yang tinggi di beberapa buah negara seperti China, Itali dan Amerika Syarikat (AS). Kementerian Kesihatan Malaysia turut mengeluarkan statistik yang menunjukkan trend peningkatan kes jangkitan yang sentiasa meningkat dan lebih tinggi daripada jumlah pesakit yang sembuh. Juranek et al. (2020) menegaskan bahawa langkah penutupan datang dengan kos dari segi prestasi pasaran buruh dalam jangka pendek. Kajian mereka ke atas negara-negara Nordic mendapati bahawa mulai minggu-minggu awal tahun 2020, bilangan penganggur meningkat dengan mendadak di Norway, Denmark dan Finland. Shuai et al. (2020) mendapati bahawa COVID-19 mengakibatkan penurunan permintaan buruh, dengan yang paling teruk terjejas ialah pekerja muda yang bekerja dalam sektor riadah dan hospitaliti (Gould & Kassa 2020). Di negara Kesatuan Eropah (EU), Pouliakas dan Branka (2020) dan Fana et al. (2020) menunjukkan bahawa kumpulan yang paling terdedah dalam pasaran buruh yang terjejas oleh wabak itu termasuk wanita, bukan pribumi, bekerja sendiri dan pekerja sementara, pekerja berpendidikan rendah dan bergaji rendah dalam perusahaan mikro. Hal ini sepadan dengan kajian negara-negara maju oleh ILO dan OECD (2020) yang mendapati bahawa COVID-19 dan langkah-langkah penutupan menyebabkan kejatuhan pekerjaan yang belum pernah terjadi sebelumnya. Pekerjaan merosot sebanyak 8-9% di Jepun dan Korea, jumlah jam bekerja merosot sebanyak 10% di Australia, dan kadar pengangguran meningkat dengan ketara di pasaran Kanada dan Amerika Syarikat (AS).

Pandemik yang terus menular ini secara tidak langsung telah menjaskan pelbagai sektor dari sudut kesihatan, keselamatan, dan ekonomi di setiap negara. Kajian oleh Kong dan Prinz (2020) yang mendapati bahawa di Amerika Syarikat (AS), penutupan sekolah, bar dan restoran, perniagaan yang tidak penting, keperluan tinggal di rumah, dilarang daripada perhimpunan besar-besaran telah menyumbang kurang daripada 13% peningkatan dalam pengangguran. Di Jepun, Kikuchi et al. (2020) mendapati golongan muda dan wanita yang bekerja dalam persekitaran pekerjaan sosial dan tidak fleksibel adalah kumpulan yang paling terjejas dari segi sumber pendapatan akibat pandemic COVID-19. Di India, penutupan ekonomi menyebabkan 32 juta

pekerja tidak formal, 89 juta pekerja kasual, dan 107 juta pekerja yang bekerja sendiri kehilangan pekerjaan; kebanyakan pekerja ini adalah miskin dan mempunyai latar belakang pendidikan rendah (Ghose, 2020). Di Malaysia, PKP memberi kesan teruk kepada pasaran buruh Malaysia yang menyebabkan peningkatan kadar pengangguran daripada 3.2% pada suku keempat 2019 kepada 3.5% pada suku pertama 2020 dan mencapai 5.1% pada suku kedua 2020 (DOSM, 2020). Bilangan penganggur meningkat daripada 512 ribu pada suku keempat 2019 kepada 547 ribu pada suku pertama 2020, kepada 792 ribu pada suku kedua 2020. Tinjauan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga melaporkan bahawa 46.6% daripada mereka yang bekerja sendiri kehilangan pekerjaan kerana PKP.

Pemerhatian antarabangsa mengenai kesan penutupan ekonomi akibat wabak itu turut menyebabkan penurunan pendapatan. Menurut ILO (2020), berlaku penurunan sebanyak 60% dalam pendapatan pekerja tidak formal di seluruh dunia pada bulan pertama krisis dan menjangkakan jurang kekayaan akan melebar untuk pekerja dalam ekonomi tidak formal. Pekerja dengan gaji yang lebih rendah daripada RM3,000 juga menghadapi pengurangan pendapatan. Seramai 4% sehingga 7% pekerja telah menghadapi pengurangan pendapatan (AON, 2020). Selain itu, pekerja yang pendapatannya dikurangkan lebih berkemungkinan meningkatkan perbelanjaan mingguan. Menurut kajian UNDP (2020) di Malaysia, perbelanjaan meningkat semasa PKP bagi pekerja yang mempunyai perbelanjaan penjagaan anak dan berpendapatan di bawah RM7,000 sebulan walaupun penjimatan besar dalam kos pengangkutan apabila menjalankan BDR. Sebanyak 34% pekerja yang dikurangkan pendapatannya telah meningkatkan kos perbelanjaan mingguan melebihi RM100 seminggu. Perbelanjaan keseluruhan meningkat walaupun kos pengangkutan dan penjagaan anak dikurangkan. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kos kerja yang dipindahkan kepada pekerja yang melakukan BDR.

Tambahan pula, apabila perlaksanaan BDR dijalankan berlaku peningkatan dalam perbelanjaan utiliti dan peralatan kerja khususnya dan ini merupakan satu bentuk peralihan kos daripada majikan kepada pekerja, termasuk pekerja yang terkesan dengan pengurangan pendapatan yang juga berkemungkinan besar mengalami peralihan kos ini. Kajian oleh UNDP (2020) menyatakan

bahawa pekerja menyerap perbelanjaan kerja dari segi peralatan, bil internet dan utiliti lain semasa BDR. Berlaku perubahan peningkatan perbelanjaan utiliti lain sebanyak 71%, peralatan kerja (49%), makanan (46%), internet dan mudah alih (42%), dan penjagaan anak (25%) sepanjang tempoh kawalan pergerakan berlaku. Sebanyak 40% melaporkan peningkatan dalam perbelanjaan internet dan mudah alih dan 48% melaporkan peningkatan dalam perbelanjaan peralatan bagi golongan yang mengalami pengurangan pendapatan. Pekerja yang mengalami pemotongan gaji amat terdedah kepada peningkatan perbelanjaan, yang mungkin mencerminkan majikan yang menghadapi cabaran kewangan yang mengalihkan kos kepada pekerja.

Perubahan persekitaran dan suasana bekerja ini juga memberi perubahan baru terhadap faedah bekerja seperti keselesaan bekerja, kebahagian, tekanan, keluwesan dan kebermaknaan serta kekeluargaan. Hal ini boleh merujuk kepada pembahagian masa kerja dan keluarga, dan produktiviti kerja. Peningkatan beban kerja telah menunjukkan trend menaik dari masa ke masa dan menghasilkan masalah tekanan kerja kepada yang melaksanakan BDR. Bagi memenuhi permintaan tinggi daripada sektor ekonomi, pekerja merasa semakin tertekan ketika menghadapi norma baharu, pembaharuan sistem bekerja yang menjelaskan kesihatan mental serta emosi.

Bagi mereka yang bekerja sepenuhnya dari rumah, waktu bekerja sebahagian besarnya meningkat semasa PKP. Peningkatan ketara dalam waktu bekerja melebihi 1 jam setiap hari menyebabkan penurunan mendadak dalam kualiti hidup pekerja. Menurut tinjauan UNDP (2020), pekerja perusahaan multinasional adalah yang paling berkemungkinan untuk menghadapi waktu kerja yang lebih panjang, yang mana hampir separuh daripadanya mengalami peningkatan lebih daripada 1 jam. Perubahan cara bekerja ini memberi kesan kepada kesejahteraan BDR kepada golongan pekerja. Pandemik yang terus menular ini secara tidak langsung telah menjelaskan pelbagai sektor dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial di setiap negara. Namun didapati kajian mengenai analisis kos dan faedah BDR ketika kawalan pergerakan didapati masih kurang dikaji dalam senario di Malaysia semasa wabak ini menular.

### **3. METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kos-faedah pelaksanaan bekerja dari rumah (BDR) ketika pandemik COVID-19. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini adalah untuk menganalisis semua jenis kos atau perbelanjaan yang terlibat semasa pelaksanaan BDR serta semua bentuk faedah ekonomi dan kaedah pengukuran bagi setiap faedah pelaksanaan BDR semasa pandemik. Penyelidikan ini disasarkan secara rawak kepada pekerja yang terlibat dengan BDR di Malaysia. Jumlah sampel melibatkan seramai 410 individu. Respondan yang disasarkan adalah golongan yang bekerja dalam pelbagai sektor swasta, kerajaan dan bekerja sendiri yang terdiri dalam lingkungan umur 18 hingga 60 tahun.

Persampelan mudah digunakan dalam kajian ini diperoleh melalui platform JotForm. Soal selidik kajian ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A adalah untuk mengukur demografi respondan. Bahagian B mengukur semua jenis kos atau perbelanjaan yang terlibat semasa pelaksanaan BDR semasa pandemik COVID-19. Akhir sekali, bahagian C pula mengukur semua bentuk faedah ekonomi yang membawa kepada kesejahteraan BDR. Bahagian B hingga bahagian C dikumpulkan menggunakan soalan skala semantik oleh Osgood et al. (1957), di mana; 1: sangat tidak setuju dan 7: sangat setuju. Secara kesimpulannya, bahagian B soal selidik ini akan menjawab objektif pertama bagi kajian ini iaitu mengenalpasti dan menyenaraikan semua jenis kos atau perbelanjaan yang terlibat semasa pelaksanaan BDR. Bahagian C pula akan menjawab objektif kedua kajian ini iaitu menyenaraikan semua bentuk faedah ekonomi dan kaedah pengukuran bagi setiap faedah. Untuk objektif ketiga kajian ini iaitu mereka bentuk model berdasarkan pembolehubah kos dan faedah untuk menilai pelaksanaan BDR akan disimpulkan oleh pengkaji dengan menggunakan keseluruhan bahagian A, B dan C soal selidik ini.

Untuk menganalisis data kuantitatif yang dikumpulkan daripada kajian ini, perisian SPSS “*Statistical Package Social Science*” telah digunakan. Data yang dikumpulkan bertujuan untuk menyokong maklumat penyelidikan. Kaedah analisis deskriptif dengan menggunakan frekuensi, min, sisihan piawai untuk mengukur kos-faedah pelaksanaan bekerja dari rumah semasa

Pandemik COVID-19. Akhir sekali, keseluruhan kajian ini dapat disimpulkan bagi menjawab kesemua objektif kajian ini.

#### **4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan untuk kajian ini ditunjukkan melalui rajah dan jadual. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif dan sampel kajian adalah seramai 410 individu daripada golongan pekerja. Jadual 1 menunjukkan data demografi responden. Responden yang pernah BDR ketika pelaksanaan PKP dengan adalah sebanyak 100%. Maka, kesemua responden terlibat dengan BDR ketika PKP dijalankan. Secara spesifiknya, semasa pelaksanaan PKP 1.0 seramai 6.3% responden yang terlibat dengan pelaksanaan BDR. Manakala bagi PKP 2.0 dan PKP 3.0, masing-masing seramai 5.9% dan 5.4%. Terdapat juga responden yang terlibat dengan dua fasa PKP iaitu PKP 1.0 dan PKP 2.0 seramai 9.8%, dan pada fasa PKP 2.0 dan PKP 3.0 pula seramai 3.2% responden. Majoriti responden, iaitu sebanyak 69.5% responden, terlibat dengan semua fasa PKP yang dijalankan ketika mengkang wabak COVID-19.

Data demografi responden seperti agama, jantina, kumpulan etnik, umur, pendapatan, dan status keluarga turut diambil kira. Majoriti dalam kajian ini dipelopori oleh responden yang beragama Islam sebanyak 80.5% daripada keseluruhan. Responden yang beragama Kristian pula sebanyak 9.8%, diikuti oleh Budhha sebanyak 5.4% dan Hindu sebanyak 4.4%. Bagi jantina pula, majoriti responden adalah perempuan iaitu seramai 254 individu yang membawa kepada 62%. Responden lelaki adalah seramai 156 individu dengan peratusan sebanyak 38% daripada keseluruhan. Majoriti responden juga daripada kumpulan etnik Melayu iaitu sebanyak 80.5 %. Kumpulan etnik Cina dan India pula sebanyak 12.2 % dan 6.6% dan sebanyak 0.7% daripada etnik lain-lain.

Dari segi umur, 49.8% responden berumur dalam lingkungan 18 hingga 26 tahun, 37.8% berumur 27 hingga 35 tahun, 11.7% berumur 36 hingga 45 tahun dan 0.7% responden berumur 46 tahun keatas. Sebanyak 35.4% responden berpendapatan kurang daripada RM2,000. 33.7% responden berpendapatan RM2,001 hingga RM4,000, 22.2% responden berpendapatan RM4,001 hingga

RM6,000, 7.1% responden berpendapatan RM6,001 hingga RM8,000. Bagi responden yang berpendapatan lebih daripada RM8,000 sebanyak 1.7% sahaja. Sebanyak 13.9% responden tinggal seorang diri. Majoriti responden tinggal bersama ibu ayah dan adik-beradik ketika PKP iaitu sebanyak 35.1%. Manakala, bagi yang tinggal bersama pasangan dan anak-anak pula sebanyak 23.4% dan tinggal bersama pasangan sahaja sebanyak 12% serta yang tinggal bersama anak-anak sebanyak 5.4%. Terdapat juga responden yang tinggal bersama rakan yang membawa kepada 10.2 %. Oleh itu, demografi responden adalah pelbagai disebabkan persampelan yang digunakan adalah secara rawak.

Jadual 1. Demografi responden

		<i>Demografi Responden</i>		<i>Sampel kajian(n=410)</i>
		Frekuensi	Peratusan (%)	
<i>Responden yang bekerja dari rumah</i>	Ya	410	100	
	Tidak	0	0	
Peringkat PKP	PKP 1.0	26	6.3	
	PKP 1.0, PKP 2.0	40	9.8	
	PKP 2.0	24	5.9	
	PKP 2.0, PKP 3.0	13	3.2	
	PKP 3.0	22	5.4	
	Semua diatas	285	69.5	
Agama	Islam	330	80.5	
	Kristian	40	9.8	
	Buddha	22	5.4	
	Hindu	18	4.4	
<i>Jantina</i>	Lelaki	156	38	
	Perempuan	254	62	
<i>Kumpulan Etnik</i>	Melayu	330	80.5	
	Cina	50	12.2	
	India	27	6.6	
	Lain-lain	3	0.7	

<i>Umur</i>	18-26 tahun	204	49.8
	27-35 tahun	155	37.8
	36-45 tahun	48	11.7
	46 tahun keatas	3	0.7
<i>Pendapatan</i>	Kurang daripada RM2000	145	35.4
	RM2001-RM4000	138	33.7
	RM4001-RM6000	91	22.2
	RM6001-RM8000	29	7.1
	Lebih daripada RM8000	7	1.7
<i>Status Keluarga</i>	Tinggal seorang diri	57	13.9
	Tinggal bersama pasangan	49	12
	Tinggal bersama pasangan dan anak-anak	96	23.4
	Tinggal bersama rakan	42	10.2
	Tinggal bersama ibu ayah dan adik beradik	144	35.1
	Tinggal bersama anak-anak	22	5.4

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan analisis deskriptif di mana purata atau lebih dikenali sebagai min digunakan untuk menentukan kos atau perbelanjaan yang terlibat ketika pelaksanaan BDR. Perbelanjaan dan kos yang terlibat meliputi ruang kerja, kemudahan teknologi, sokongan dan komunikasi serta kos sendiri yang terdiri daripada kos langsung seperti kos makan dan utiliti dan kos tidak langsung seperti masa. Kesejahteraan BDR pula merujuk kepada faedah yang diperolehi ketika BDR yang meliputi keselesaan bekerja, kebahagian, tekanan, keluwesan, keletihan dan kebermaknaan serta kekeluargaa. Kesemua perbelanjaan dan kos serta faedah ini dijadikan item dalam kajian ini.

Analisis deskriptif ruang kerja meliputi enam item. Keseluruhan min untuk ruang kerja adalah 3.83 dengan sisihan piawai 1.38. Ini menggambarkan bahawa kos ruang kerja adalah kecil. Pekerja yang menjalankan BDR perlu mempunyai kelengkapan menjalankan pekerjaan yang lengkap seperti meja

dan kerusi khas, pencahayaan yang mencukupi serta instrument bagi kelancaran BDR. Item yang pertama iaitu “Saya mempunyai bilik khas di rumah untuk tempat kerja saya” mempunyai min sebanyak 4.36 dan sisihan piawai iaitu 2.11. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memiliki ruang tersendiri untuk bekerja di rumah. Ruang kerja tersedia menjimatkan kos kepada responden. Untuk item 2, “saya berkongsi ruang kerja dengan pasangan” menghasilkan min sebanyak 3.26 dan sisihan piawai sebanyak 2.31. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai ruang kerja yang berasingan dengan pasangan dan tidak memerlukan pengeluaran kos untuk ruang kerja. Hanya sebahagian responden berkongsi ruang bekerja dengan pasangan.

Selanjutnya, untuk item 3 iaitu “saya berkongsi ruang dengan ahli keluarga lain” menyumbang min sebanyak 3.34 dan sisihan piawai 2.23. Kebanyakan responden tidak berkongsi ruang kerja dengan ahli keluarga kerana memiliki ruang masing-masing. Hal ini menyebabkan berlaku pengurangan kos dalam pembinaan ruang kerja di antara ahli keluarga. Item yang keempat adalah “saya berkongsi ruang kerja dengan rakan serumah” menunjukkan min sebanyak 2.99 dan sisihan piawai 2.18. Hasil daripada responden, hanya sebilangan kecil berkongsi ruang dengan rakan serumah semasa BDR. Perkara ini menyebabkan berlakunya penjimatan dalam kos ruang kerja kepada responden.

Min untuk item kelima iaitu “Keadaan fizikal di rumah saya tidak mempunyai persekitaran yang baik (meja dan kerusi boleh laras, cahaya yang mencukupi, ketenangan, monitor dan lain-lain)” ialah sebanyak 4.02 dan sisihan piawai 2.21. Ini menunjukkan bahawa sebahagian responden tidak memiliki persekitaran ruang kerja yang baik di mana responden perlu mengeluarkan kos untuk memenuhi ruang kerja seperti meja, kerusi, monitor dan sebagainya. “Semasa BDR, disebabkan kurangnya pergerakan fizikal, saya selalu mengalami sakit di bahagian leher” ialah item keenam yang menyumbang min sebanyak 5.02 serta sisihan piawai 1.89. Kebanyakan responden mengalami sakit leher ketika BDR. Perkara ini menyebabkan berlaku pengeluaran kos tambahan untuk rawatan kepada responden. Kesimpulannya, kos untuk ruang kerja hanya kecil kerana hanya melibatkan kos yang berkaitan dengan persekitaran dan rawatan untuk kesihatan akibat kurangnya pergerakan fizikal.

Justeru, pelaksanaan BDR dapat dilaksanakan kerana kos untuk pembinaan ruang kerja di rumah adalah kecil dan hanya melibatkan kos rawatan akibat dari sakit leher.

Jadual 2. Analisis deskriptif ruang kerja.

Ruang Kerja	Sampel kajian (n=410)	
	Min	Sisihan Piawai
Saya mempunyai bilik khas di rumah untuk tempat kerja saya.	4.36	2.11
Saya berkongsi ruang kerja dengan pasangan.	3.26	2.31
Saya berkongsi ruang kerja dengan ahli keluarga yang lain.	3.34	2.23
Saya berkongsi ruang kerja dengan rakan serumah.	2.99	2.18
Keadaan fizikal di rumah saya tidak mempunyai persekitaran kerja yang baik (meja dan kerusi boleh laras, cahaya yang mencukupi, ketenangan, monitor dan lain-lain)	4.02	2.21
Semasa BDR, disebabkan kurangnya pergerakan fizikal, saya selalu mengalami sakit di bahagian leher.	5.02	1.89
Keseluruhan	3.83	1.38

Analisis deskriptif kemudahan teknologi & peralatan teknikal meliputi enam item. Min keseluruhan untuk kos kemudahan teknologi dan peralatan teknikal ialah 4.79 dan sisihan piawai sebanyak 1.19. Item yang pertama iaitu “saya menyelesaikan semua tugas dari rumah menggunakan kemudahan teknologi maklumat” mempunyai nilai min 5.68 dan sisihan piawai sebanyak 1.41. Melalui data ini, responden proaktif dalam menyelesaikan semua tugas pejabat di rumah dan memanfaatkan kemudahan teknologi dan peralatan teknikal terkini. Bagi item kedua “kemudahan teknologi maklumat yang saya miliki tidak digabungkan atau digunakan oleh pasangan atau ahli keluarga yang lain” menghasilkan min sebanyak 4.85 dan sisihan piawai 1.88. Pengkhususan kemudahan teknologi di antara pasangan atau ahli keluarga dapat dilihat jelas semasa menjalankan BDR agar tiada gangguan berlaku semasa melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh majikan. “Kerja

dari rumah lebih senang kerana sokongan teknikal sentiasa ada” merupakan item yang ketiga. Responden bersetuju apabila min yang dihasilkan 4.31 dan sisihan piawai pada 1.91. Kepakaran pasukan IT dapat digunakan dan diaplikasi dalam menggunakan kemudahan teknologi dan peralatan teknikal. Item yang keempat adalah “semasa BDR, syarikat saya menyediakan kemudahan computer kepada semua pekerja” menyumbang min sebanyak 3.39 dan sisihan piawai 2.22. Responden akan mengeluarkan amaun yang besar dalam melaksanakan BDR bagi mendapatkan kemudahan teknologi dan menggunakan peralatan teknikal terkini. Item seterusnya adalah “semasa BDR, saya mempunyai alat dan peralatan teknikal yang diperlukan untuk menjalankan kerja saya (cth: computer, monitor, tetikus, papan kekunci)” memberikan min sebanyak 5.4 dan sisihan piawai 1.62. Responden bersetuju bahawa kelengkapan dan kemudahan asas teknologi serta peralatan teknikal penting untuk menjalankan BDR. Item yang terakhir bagi kemudahan teknologi dan peralatan teknikal adalah “secara keseluruhannya, saya mempunyai semua peralatan yang diperlukan bagi memenuhi peranan mengikut standard biasa seperti bekerja di pejabat” menunjukkan min sebanyak 5.1 dan sisihan piawai 1.77. Responden bersetuju bahawa mereka mempunyai peralatan asas bagi menjalankan BDR. Maka, dapatan ini mencadangkan dengan kemudahan teknologi dan peralatan teknikal yang mencukupi, pelaksanaan BDR dapat dilaksanakan.

Jadual 3. Analisis deskriptif kemudahan teknologi & Peralatan Teknikal

Kemudahan Teknologi & Peralatan Teknikal	Sampel (n=410)	kajian	
		Min	Sisihan Piawai
Saya menyelesaikan semua tugas pejabat dari rumah menggunakan kemudahan teknologi maklumat.	5.68	1.41	
Kemudahan teknologi maklumat yang saya miliki tidak digabungkan atau digunakan oleh pasangan atau ahli keluarga yang lain.	4.85	1.88	
Kerja dari rumah lebih senang kerana sokongan teknikal sentiasa ada.	4.31	1.91	
Semasa BDR, syarikat saya menyediakan kemudahan komputer kepada semua pekerja.	3.39	2.22	
Semasa BDR, saya mempunyai alat dan peralatan teknikal yang diperlukan untuk menjalankan kerja saya (cth: komputer, monitor, tetikus, papan kekunci)	5.4	1.62	
Secara keseluruhannya, saya mempunyai semua peralatan yang diperlukan bagi memenuhi peranan mengikut standard biasa seperti bekerja di pejabat.	5.1	1.77	
<b>Keseluruhan</b>	<b>4.79</b>	<b>1.19</b>	

Analisis deskriptif sokongan dan komunikasi pula mempunyai tujuh item. Min keseluruhan adalah 4.14 dan sisihan piawai sebanyak 1.11. Ini menunjukkan bahawa terdapat sokongan dan komunikasi berlaku di antara pekerja ketika BDR. Item pertama adalah “semasa BDR, saya mempunyai pembantu untuk menjaga anak saya” memperoleh min sebanyak 2.31 dan sisihan piawai 1.93. Kebanyakan responden menguruskan anak mereka sendiri dan tiada sokongan daripada pembantu rumah. Item yang kedua merujuk kepada “semasa BDR, syarikat saya mempunyai sistem komunikasi yang baik dengan semua pekerja” yang memperoleh min sebanyak 4.51 dan sisihan piawai 1.64. Sokongan dan komunikasi daripada syarikat secara langsung membantu responden melaksanakan BDR. Item yang ketiga adalah “semasa BDR, syarikat saya sentiasa memberikan tips mengenai cara bekerja dari rumah” serta mempunyai min pada 4.25 dan sisihan piawai 1.66. Majikan membantu memberikan tips berkaitan BDR agar responden dapat bekerja secara berkesan.

Seterusnya, item keempat adalah “semasa BDR, syarikat saya sentiasa memberikan latihan dalam talian mengenai cara menangani penipuan siber dan cara mengawal data peribadi syarikat” yang memberikan min 4.11 dan sisihan piawai pada 1.91. Bantuan dan sokongan komunikasi dalam syarikat dapat mencegah responden daripada penipuan siber dan mengawal data peribadi syarikat. Semasa BDR, sokongan dan komunikasi syarikat diberikan jelas dan merujuk kepada item kelima “semasa BDR, saya mendapat berkomunikasi dengan rakan baik bersama ketua dan rakan sekerja” memperoleh min sebanyak 4.78 dan sisihan piawai 1.37. Semangat sokongan dan berhubung secara terus di dalam kumpulan dan rakan sekerja memberi manfaat semasa BDR berlangsung. Item keenam adalah “semasa BDR, syarikat saya sentiasa memberikan sokongan yang betul kepada pekerja” dan min yang dihasilkan sebanyak 4.61 dan sisihan piawai pada 1.55. Sifat bekerjasama dan sokongan daripada majikan serta petugas disokong oleh responden semasa BDR. Item yang terakhir merujuk kepada “saya mendapat menyelesaikan semua kerja pejabat daripada rumah secara professional tanpa diganggu oleh urusan rumah tangga” memberi min sebanyak 4.42 dan sisihan piawai pada 1.71. Responden melaksanakan tanggungjawab BDR secara profesional dan tiada gangguan daripada rumah tangga. Justeru, perlaksanaan bekerja dari rumah dapat dijalankan dengan sokongan dan komunikasi yang baik di antara pihak pekerja, majikan, rakan sekerja dan semua yang terlibat.

Jadual 4. Analisis deskriptif sokongan & komunikasi.

Sokongan & Komunikasi	Sampel kajian (n=410)		
	Min	Sisihan	Piawai
Semasa BDR, saya mempunyai pembantu untuk menjaga anak saya.	2.31	1.93	
Semasa BDR, syarikat saya mempunyai sistem komunikasi yang baik dengan semua pekerja.	4.51	1.64	
Semasa BDR, syarikat saya sentiasa memberikan tips mengenai cara bekerja dari rumah.	4.25	1.66	
Semasa BDR, syarikat saya sentiasa memberikan latihan dalam talian mengenai cara menangani penipuan siber dan cara mengawal data peribadi syarikat.	4.11	1.91	
Semasa BDR, saya mendapat berkomunikasi dengan baik bersama ketua dan rakan sekerja.	4.78	1.37	
Semasa BDR, syarikat saya sentiasa memberikan sokongan yang betul kepada pekerja.	4.61	1.55	
Saya dapat menyelesaikan semua kerja pejabat dari rumah secara professional tanpa diganggu oleh urusan rumah tangga	4.42	1.71	
Keseluruhan	4.14	1.11	

Analisis deskriptif kos mempunyai sebelas item. Min keseluruhan kos ialah 5.68 dan sisihan piawai sebanyak 0.99. Ini menunjukkan berlaku perubahan kos ketika BDR. Item pertama merujuk kepada “semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos minyak kereta” yang menyumbang min sebanyak 6.32 dan sisihan piawai 1. Semasa BDR, responden hanya menetap di rumah tanpa perlu ke pejabat, justeru responden menyokong item pertama. Item kedua merujuk kepada “semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos makan diluar” yang memperoleh min 6.05 dan sisihan piawai sebanyak 1.32. Penjimatan dapat direkod oleh responden dan BDR menjimatkan kos makan di luar. Item yang ketiga adalah “semasa BDR, saya dapat menjimatkan masa ulang alik dari rumah ke pejabat” memperoleh min 6.37 dan sisihan piawai 1.02. Kemudahan BDR dapat menjimatkan kos secara menyeluruh terutamanya kos pergi dan balik ke tempat kerja.

Item keempat seterusnya adalah “semasa BDR, saya dapat menjimatkan perbelanjaan asuhan kanak-kanak” yang memberikan min 4.97 dan sisihan

piawai pada 2.26. Semasa BDR, responden akan membahagikan masa antara kerja dan anak-anak, jadi mereka perlu membahagikan kos perbelanjaan asuhan kanak-kanak. Item kelima adalah “semasa BDR, saya meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga” yang menghasilkan min 5.89 dan sisihan piawai 1.47. Responden bersetuju bahawa BDR memberikan masa berkualiti kepada keluarga. Item keenam iaitu “Semasa BDR, caj utiliti elektrik di rumah saya semakin bertambah” membawa min sebanyak 5.98 dan sisihan piawai sebanyak 1.23. Apabila bekerja dari rumah, penggunaan peralatan elektrik dan elektronik telah meningkat dan menyumbang kepada peningkatan kos utiliti bagi responden.

Item ketujuh pula iaitu “Semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos tol, parkir dan penyelenggaraan kereta” menghasilkan min sebanyak 5.90 dan sisihan piawai 1.4. Semasa BDR, keberadaan responden hanya di rumah tanpa aktiviti di luar rumah menyebabkan berlakunya pengurangan penggunaan kereta yang akhirnya menjimatkan kos parkir dan pengangkutan. Hal ini juga sama untuk item kelapan iaitu “Semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos pengangkutan awam” yang membawa min sebanyak 5.96 dan sisihan piawai sebanyak 1.36. Item kesembilan seterusnya pula “Semasa BDR, waktu kerja saya semakin bertambah” menghasilkan min sebanyak 5.55 dan sisihan piawai sebanyak 1.58. Ini menunjukkan bahawa semasa BDR, kebanyakan responden perlu bekerja lebih masa untuk menyiapkan segala tugas. Item kesepuluh iaitu “Semasa BDR, syarikat saya menanggung kos pemasangan perisian seperti firewall untuk melindungi daripada ancaman siber, perisian Endpoint Detection and Respond (EDR), dan perisian antivirus yang dapat mengesan kod *hazard* dan *ransomware* secara masa nyata” menghasilkan min sebanyak 4.09 dan sisihan piawai sebanyak 1.58. Syarikat mengeluarkan kos pemasangan perisian keselamatan siber demi menjaga keselamatan data dan maklumat privasi syarikat daripada dicerobohi oleh pembuli siber. Item terakhir iaitu “Semasa BDR, saya perlu menaik taraf pelan internet berkelajuan tinggi untuk kegunaan sendiri dan ahli keluarga yang lain” menghasilkan min sebanyak 5.36 dan sisihan piawai sebanyak 1.87. Responden mengeluarkan kos untuk menaik taraf pelan internet untuk memastikan kelancaran bekerja dari rumah. Kesimpulannya, banyak kos yang perlu ditanggung ketika pelaksanaan bekerja dari rumah demi memastikan kelancaran bekerja. Justeru, perlaksanaan bekerja dari rumah dapat


dilaksanakan kerana berlaku penjimatatan dalam kos makanan, pengangkutan, parkir kereta dan tol. Hal ini memberi banyak manfaat kepada yang pekerja yang melaksanakan BDR.

Jadual 5. Analisis deskriptif kos

Kos	Sampel kajian (n=410)	Min	Sisihan Piawai
Semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos minyak kereta.	6.32	1	
Semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos makan di luar.	6.05	1.32	
Semasa BDR, saya dapat menjimatkan masa ulang alik dari rumah ke pejabat.	6.37	1.02	
Semasa BDR, saya dapat menjimatkan perbelanjaan asuhan kanak-kanak.	4.97	2.26	
Semasa BDR, saya dapat meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga.	5.89	1.47	
Semasa BDR, caj utiliti elektrik di rumah saya semakin bertambah.	5.98	1.23	
Semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos tol, parkir dan penyelenggaraan kereta.	5.9	1.4	
Semasa BDR, saya dapat menjimatkan kos pengangkutan awam.	5.96	1.36	
Semasa BDR, waktu kerja saya semakin bertambah.	5.55	1.58	
Semasa BDR, syarikat saya menanggung kos pemasangan perisian seperti firewall untuk melindungi daripada ancaman siber, perisian Endpoint Detection and Respond (EDR), dan perisian antivirus yang dapat mengesan kod <i>hazard</i> dan <i>ransomware</i> secara real-time.	4.09	2.28	
Semasa BDR, saya perlu menaik taraf pelan internet berkelajuan tinggi untuk kegunaan sendiri dan ahli keluarga yang lain.	5.36	1.87	
Keseluruhan	5.68	0.99	

Analisis terhadap anggaran kos makan dan kos utiliti ketika pelaksanaan BDR turut dijalankan menggunakan analisis diskriptif seperti tertera dalam Rajah 1.


Anggaran kos makanan harian individu sebelum BDR secara purata adalah sebanyak RM32.15. Semasa BDR, berlaku sedikit peningkatan anggaran kos makanan harian individu secara puratanya RM36.78. Berlaku peningkatan mendadak kos utiliti yang ditanggung oleh pekerja iaitu daripada RM 178 (sebelum BDR) kepada RM 264 (semasa BDR). Hal ini disebabkan keberadaan di rumah atau kediaman sepenuhnya ketika pelaksanaan BDR.



Rajah 1. Kos Utiliti dan Elaun Harian (Semasa dan Sebelum BDR)

Kesediaan BDR ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah. Nombor 1 mewakili “Ya”, nombor 2 mewakili “Tidak” dan nombor 3 mewakili “Tidak pasti”. Sebanyak 63% responden bersetuju untuk BDR. Hal ini disebabkan berlaku penjimatan dalam kos berbanding faedah yang diperolehi.

### Kesediaan BDR



Rajah 2. Kesediaan BDR.

Terdapat juga sebanyak 25% responden tidak bersetuju untuk BDR oleh kerana akan membawa kepada masalah kesihatan seperti sakit leher dan gangguan daripada ahli keluarga. 12% responden menyatakan bahawa tidak pasti dalam kesediaan BDR kerana tiada perubahan kos yang ketara dalam perbelanjaan dan tidak juga menikmati sepenuhnya faedah daripada BDR.

## **5. IMPLIKASI DAN KESIMPULAN**

Mencari keseimbangan yang sesuai dalam mengimbangi kos kesihatan dan ekonomi adalah aspek paling mencabar yang dialami di banyak negara, termasuk Malaysia. Pelbagai langkah diambil untuk membendung penularan wabak telah memberi kesan yang berbeza kepada magnitud jangkitan COVID-19 dan juga kesan kepada ekonomi. Oleh itu, kesan terhadap kedua-dua komponen kesihatan dan ekonomi, termasuk pasaran buruh tidak mungkin dapat dielakkan. Dari perspektif langkah keselamatan kesihatan awam, penjarakan sosial dan usaha penutupan aktiviti ekonomi dan sosial adalah strategi yang baik dan berkesan untuk membendung penularan virus. Di kebanyakan negara, kerajaan telah menggunakan langkah-langkah yang tidak pernah diambil sebelum ini dan telah terbukti berkesan dalam mengurangkan dan mengekang virus daripada merebak.

Untuk mengekalkan kelangsungan ekonomi, kerajaan yang bertanggungjawab dan mengamalkan tadbir urus yang baik akan segera menguatkuaskan dan melibatkan diri dalam program rangsangan ekonomi semasa tempoh perintah kawalan pergerakan dengan menyediakan sokongan melalui bantuan tunai dan kemudahan aliran tunai kepada firma, majikan, pekerja dan orang ramai yang terjejas. Dalam konteks Malaysia, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM290 bilion ke dalam ekonomi melalui empat program pakej rangsangan ekonomi. Selain daripada pakej rangsangan ekonomi, agensi kerajaan juga boleh membantu penggubal dasar untuk mencadangkan dasar masa depan bagi melindungi pasaran buruh dan ekonomi seterusnya mencadangkan dasar yang boleh melindungi kebajikan pekerja terjejas akibat kehilangan pekerjaan.

Dari perspektif dasar, penilaian berasaskan bukti bagi mengukur keberkesanan pelbagai langkah penutupan yang mempengaruhi pasaran buruh dan ekonomi

adalah penting untuk memastikan kemampuan pelbagai pendekatan yang akan digunakan. Sehubungan dengan itu, kajian ini menyediakan maklumat yang berharga dan bermakna untuk penggubal dasar dalam memahami magnitud setiap langkah penutupan dalam usaha menyokong penyediaan program menyelamat ekonomi. Selain itu, kajian ini telah menunjukkan bahawa sekatan ke atas perhimpunan besar-besaran, sekatan ke atas perjalanan antarabangsa, mengharamkan acara awam, penutupan sekolah dan penutupan tempat kerja dan pelaksanaan bekerja dari rumah (BDR) memberi kesan secara menyeluruh. Hakikat bahawa setiap langkah penutupan mempengaruhi pekerjaan secara berbeza bermakna campur tangan sasaran yang berbeza diperlukan.

Oleh itu, untuk menambah baik keputusan dasar, analisis yang disediakan dalam kajian ini mungkin tidak mencukupi dari segi tindakan yang komprehensif dan holistik. Untuk membantu kerajaan menguruskan krisis dengan lebih cekap, adalah penting untuk mempunyai maklumat pasaran buruh dan keadaan ekonomi sesebuah negara yang tepat pada masanya, dan berkualiti. Data sedemikian adalah penting dalam memahami, menjelaki, mengurus dan mengurangkan keadaan pasaran buruh dan ekonomi yang terjejas oleh wabak dan akibat bukan pandemik. Sebagai tambahan kepada data pasaran buruh pentadbiran, penunjuk sosio-demografi, termasuk ciri pekerjaan orang yang dijangkiti harian, harus diperolehi dan disepadukan dengan model ekonomi-kesihatan. Ini akan membolehkan penggubal dasar dan agensi penjagaan kesihatan mempunyai gambaran dan perspektif yang lebih komprehensif tentang wabak dan mencadangkan strategi peringkat mikro yang berkesan untuk menyeimbangkan faktor kesihatan dan ekonomi.

## **RUJUKAN**

- Alam, M.N., Alam, M.S., & Chavali, K. (2020). Stock market response during COVID-19 lockdown period in India: An event study. *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 7(7), 131-137.
- AON. (2020). COVID-19 Epidemic: Employee Pulse Survey Report. Malaysia.
- Atalan, A. (2020). Is the lockdown important to prevent the COVID-19 pandemic? Effects on psychology, environment and economy-perspective. *Annals of Medicine and Surgery* 56: 38-42.
- Ayittey, F.K., Ayittey, M.K., Chiwero, N.B., Kamasah, J.S., & Dzuvor, C. (2020). Economic impacts of Wuhan 2019-nCoV on China and the world. *Journal of Medical Virology*, DOI: 10.1002/jmv.25706
- Balasa, A.P. (2020). COVID – 19 on Lockdown, Social Distancing and Flattening the Curve – A Review. *European Journal of Business and Management Research*, 5(3): 1-4. DOI: <http://dx.doi.org/10.24018/ejbm.2020.5.3.316>
- Department of Statistics Malaysia, DOSM. (2020). Report of Special Survey on Effects of Covid-19 on Economy and Individual.
- Department of Statistics Malaysia, DOSM. (2020). Labour Market Review, Malaysia Second Quarter 2020.
- Fana, M., Tolan, S., Torrejon, S., Brancati, C.U., & Fernandez-Macias, E. (2020). The COVID confinement measures and EU labour markets. Luxembourg: Publications Office of the European Union. European Union.
- Ghose, A.K. (2020). The pandemic, lockdown and employment. *The Indian Journal of Labour Economics*, 63(Suppl 1): S67-S71.
- Gould, E., & Kassa, M. (2020). Young workers hit hard by the COVID-19 economy: Workers ages 16-24 face high unemployment and an uncertain future. Economic Policy Institute, Washington, D.C., USA.
- ILO. (2020). ILO Monitor: Covid-19 and the World of Work.
- ILO & OECD. (2020). The impact of the COVID-19 pandemic on jobs and incomes in G20 economies. ILO-OECD paper prepared at the request of G20 Leaders Saudi Arabia's G20 Presidency 2020. G20 Saudi Arabia.
- ILO. (2020a). COVID-19 and the world of work: Impact and policy responses. First edition, 18 March 2020.
- ILO. (2020b). ILO Monitor: COVID-19 and the world of work. Second edition, 7 April 2020.
- ILO. (2020c). ILO Monitor: COVID-19 and the world of work. Sixth edition, 23 September 2020.
- Juranek, S., Paetzold, J., Winner, H., & Zoutman, F. (2020). Labour market effects of COVID-19: Sweden and its Scandinavian neighbours. <https://voxeu.org/article/labour-market-effects-COVID-19-sweden-and-its-neighbours>
- Kikuchi, S., Kitao, S., & Mikoshiba, M. (2020). Heterogeneous Vulnerability to the COVID-19 Crisis and Implications for Inequality in Japan. RIETI Discussion Paper Series 20-E-039, The Research Institute of Economy, Trade and Industry, Japan.
- Kong, E., & Prinz, D. (2020). The impact of shutdown policies on unemployment during a pandemic. *COVID Economics*, 17, 29-50.

- Lu, H. (2020). Drug treatment options for the 2019-new coronavirus (2019-nCoV). *BioScience Trends* 14: 69-71.
- Matrajt, L., & Leung, T. (2020). Evaluating the Effectiveness of Social Distancing Interventions to Delay or Flatten the Epidemic Curve of Coronavirus Disease. *Emerging Infectious Diseases* 26(8): 1740-1748. DOI: <https://doi.org/10.3201/eid2608.201093>
- Musinguzi, G., & Asamoah, B.O. (2020). The Science of Social Distancing and Total Lock Down: Does it Work? Whom does it Benefit?. *Electronic Journal of General Medicine* 17(6): em230. <https://doi.org/10.29333/ejgm/7895>
- Nicola, M., Alsafi, Z., Sohrabi, C., Kerwan, A., Al-Jabir, A., Iosifidis, C., Agha, M., & Agha, R. (2020). The socio-economic implications of the coronavirus pandemic (COVID-19): A review. *International Journal of Surgery* 78: 185-193.
- Oxford Economics. (2020). The economic impact of COVID-19 on Asia Pacific. <https://www.oxfordeconomics.com/recent-releases/The-Economic-Impact-of-COVID-19-on-Asia-Pacific>.
- Pouliakas, K., & Branka, J. (2020). EU jobs at highest risk of COVID-19 social distancing: Will the pandemic exacerbating the labour market divide? IZA Discussion Paper No. 13281. IZA Institute of Labor Economics, Bonn, Germany.
- Shah, A.U.M., Safri, S.N.A., Thevadas, R., Noordin, N.K., Rahman, A.A., Sekawi, Z., Ideris, A., & Sultan, M.T.H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97: 108-116.
- Shuai, X., Chmura, C., & Stinchcomb, J. (2020). COVID-19, labor demand and government responses: Evidence from job posting data. *Business Economics* 56: 29-42.
- Siti Khaireena Ulas & Abu Zarren Selamat. (2021). Dilema moral mahasiswa dalam menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik covid-19: Satu kajian kes. *Qalam: International Journal of Islamic and Humanistic Research, MJSSH*, 1(1), 1-11.
- Tang, K.H.D. (2020). Movement control as an effective measure against COVID-19 spread in Malaysia: An overview. *Journal of Public Health: From Theory and Practice*, <https://doi.org/10.1007/s10389-020-01316w>
- United Nations Development Programme, UNDP. (2020). Report on findings from the WFH experience in response to the COVID-19 global health crisis in Malaysia.
- World Bank. (2020). *Global Economic Prospects*. Washington, DC: International Bank for Reconstruction and Development/The World Bank.
- Yuan, Z., Xiao, Y., Dai, Z., Huang, J., Zhang, Z., & Chen, Y. (2020). Modelling the effects of Wuhan's lockdown during COVID-19, China. *Bulletin of the World Health Organization*, 98, 484-494.
- Zellweger, C. (2020). What the stock market tells us about the post-COVID- 19 world. *Nature Human Behaviour* 4: 440.

## Butiran Penulis

**Sheerad Sahid (corresponding author)** merupakan pensyarah kanan bidang pendidikan keusahawanan & pembangunan ekonomi dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Selangor. Lulusan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari UKM dan ijazah Doktor Falsafah (PhD.) dalam bidang keusahawanan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Berpengalaman dalam bidang pendidikan perniagaan & keusahawanan, set minda dan pemikiran keusahawanan, pendidikan pembangunan ekonomi, pembangunan latihan dan modul keusahawanan, pengurusan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta pemasaran keusahawanan.

E-mail: [sheerad@ukm.edu.my](mailto:sheerad@ukm.edu.my)

**Norfarahzatul Asikin Zakari** merupakan pelajar pasca siswazah dalam bidang Pendidikan Ekonomi di Fakulti Pendidikan UKM. Lulusan sarjana muda ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

E-mel: P112820@siswa.ukm.edu.my

**Mohd Izwan Mahmud** Profesor Madya di Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dari Universiti Malaya (UM), Ijazah Sarjana Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (PhD) dalam Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau mempunyai kepakaran dalam kaunseling kerjaya, penilaian dan pengukuran dalam kaunseling kerjaya, pembangunan modul dan kakitangan pelajar. Dalam khidmat masyarakat, beliau telah menyumbang kepada Pertolongan Cemas Psikologi (PFA) kepada petugas barisan hadapan Covid 19, PPUKM.

E-mel: izwan@ukm.edu.my







